



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
2025**

17 MEI 2025

**LANAI @ MaTiC
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَصَلَاةُ
وَسَلَامٌ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ اجْمَعِينَ،
رَبِّنَا آتَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً، وَهَيَّءْ لَنَا
مِنْ أَمْرِنَا رِشْداً، رَبِّ اشْرَحْ لِي
صَدْرِي، وَيُسِّرْ لِي أَمْرِي، وَاحْلِلْ
عَقْدَةً مِنْ لِسَانِي، يَفْقَهُوا قَوْلِي.

SALUTASI

- **Encik Sabran** – Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan
- Presiden Majlis Belia Wilayah Persekutuan – **Saudara Khairul Rizam**
- Para pegawai, pimpinan Majlis Belia Wilayah Persekutuan dan yang diraikan anak-anak belia yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kuala Lumpur 2025 yang mengangkat tema Yakin Boleh. Satu tema yang amat bertepatan sekali sebagai prinsip tindakan yang menuntut keberanian, kebijaksanaan dan kejujuran warga belia untuk terus mara ke hadapan meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran zaman.

2. Tema ini juga mencerminkan keyakinan bahawa masa depan negara terbina di tangan generasi muda yang berprinsip dan berwawasan. Kita perlu keluar daripada kerangka lama yang melihat belia sekadar pasukan simpanan dalam pelbagai bentuk pembangunan. Sebaliknya, bagi saya anda adalah rakan strategik yang utama dalam merangka dasar dan hala tuju negara. Insya-Allah.

3. Tahniah saya ucapkan kepada Majlis Belia Wilayah Persekutuan di bawah pimpinan anakanda Khai dan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan, di bawah seliaan Encik Sabran atas kejayaan menganjurkan sambutan ini. Sambutan Hari Belia ini perlu disambut dan dirai sebagai ruang peringatan bahawa masa depan negara ini terletak dan sedang dibentuk oleh anak muda yang ada di hadapan saya ini.

MBWP PERLU BERSEDIA MENERIMA PANDANGAN DARI LUAR TEMBOK ORGANISASI

Saudara saudari sekalian,

4. Ini merupakan tahun kedua saya dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dan juga sejak saya menerima pinangan Khai sebagai Penaung Majlis Belia Wilayah Persekutuan ini, saya dapat merasai komitmen yang dimainkan oleh pimpinan MBWP yang secara konsisten membawa suara belia ke meja perbincangan.

5. Ini petanda aktivisme yang membanggakan. Tahniah dan berikan tepukan kepada mereka.

6. Namun, saya ingin menyentuh satu isu penting. Sekarang ini terlalu banyak fokus kita tertumpu hanya pada belia yang aktif dalam persatuan. Pada saya, kita juga perlu mendengar suara belia di luar lingkungan rasmi. Mereka yang tidak berpersatuan ini mungkin dari kalangan pemandu *e-hailing*, peniaga kecil, pekerja kreatif atau pembuat kandungan digital. Tentunya, mereka ini juga warga produktif yang punya aspirasi besar.

7. Oleh itu, saya minta MBWP untuk melihat dan membuka pintu seluas-luasnya agar lebih bersedia untuk menerima dan mencari pandangan dari luar tembok organisasi MBWP semata-mata. Kerana ini adalah prinsip keterangkuman, dan ia bukanlah satu kelemahan, sebaliknya ia adalah satu kekuatan yang perlu dibentuk dan diraikan. Saya khuatir, jika kita menunggu mereka berpersatuan, kita bakal kehilangan golongan ini untuk kesekian kalinya.

8. Saya juga lebih cenderung untuk melihat Majlis Belia ini berfungsi sebagai ruang rakyat muda bergantung harap, bergantung harap dan berinovasi, bukan hanya medan mesyuarat dengan kertas cadangan, tetapi pentas untuk membina sebuah bangsa yang MADANI yang terangkum.

**KERAJAAN MADANI SENTIASA
MEMBERI LANDASAN KEPADA SEMUA
SEGMENT MASYARAKAT**

Hadirin sekalian,

9. Tadi kita dengar, Presiden ada nyatakan bahawa, belia tidak meminta untuk dimanjakan, sebaliknya mahu untuk dipercayai. Sebenarnya, inilah prinsip yang saya pegang sejak zaman aktivisme saya dahulu, dan inilah juga teras pembangunan dasar kita di Wilayah Persekutuan hari ini. Fleksibiliti dan kepercayaan harus diberikan kepada anak muda agar mereka yakin boleh!

10. Semua segmen rakyat patut diberi peluang untuk menyertai proses membuat keputusan. Atas dasar itu, maka pada tahun lalu, di Wilayah Persekutuan, kita perkenalkan platform Sidang Belia Wilayah Persekutuan. Ruang di mana saya sendiri turun mendengar, meneliti dan akhirnya menggulung kesemua perbahasan, idea dan hujah yang disampaikan oleh para perwakilan dari ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Insya-Allah, tahun ini kita akan meneruskan pelaksanakannya, bermula pada bulan depan.

11. Dalam masa yang sama, saya juga bersetuju untuk mempengaruhi Majlis Perundingan Belia Negara peringkat Wilayah Persekutuan. Cuma, tahun ini saya minta supaya penyertaan Labuan disebalikkan sebagai salah satu Wilayah Persekutuan juga.

12. Alhamdulillah, beberapa perkara yang telah dibangkitkan dalam kedua-dua platform ini, baik SBWP dan MPBN, saya angkat dan bawa ke kabinet untuk dimaklumkan dan diambil tindakan serta sedang dalam pelaksanaan, seperti isu perumahan belia yang disebut oleh Saudara Khai sebentar tadi. Bahkan, dalam Belanjawan 2025 juga, Kerajaan juga telah mengumumkan peruntukan berjumlah 5 bilion ringgit bagi Skim *Step Up Financing* di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan sebagai jaminan kerajaan, khusus bagi golongan muda yang ingin memiliki rumah pertama.

13. Ini adalah bukti jelas bahawa Kerajaan MADANI hari ini, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, sentiasa komited untuk menyediakan platform kepada semua lapisan masyarakat, termasuk mendengar dan merealisasikan suara anak muda belia.

**RESPON KEPADA CADANGAN
PRESIDEN MBWP**

Hadirin sekalian,

14. Saya ambil maklum cadangan pengukuhan suara belia dalam tadbir urus bandar yang disuarakan oleh Saudara Khai tadi. Walaupun, secara peribadinya, saya tidak sepenuhnya bersetuju dengan penetapan kuota kerana saya percaya ruang penyertaan belia itu harus dibuka seluas-luasnya, tidak terhad kepada kuota semata-mata.

15. Apa yang lebih penting adalah struktur di mana anak muda itu boleh menyuarakan pandangan mereka dalam proses pembuatan dasar. Saya percaya anak muda tidak menuntut tempat untuk bersandar, tetapi tempat untuk menyumbang. Selaras dengan itu, saya menyambut baik 5 cadangan yang diutarakan tadi.

16. Ada yang memang sedang dalam proses pelaksanaan seperti Urban Youth Lab. Untuk makluman semua, saya telah pun terima *proposal* dari MBWP untuk *repurpose* Medan Selera Batu Bata di Titiwangsa sebagai lokasi perintis kepada idea ini.

17. Secara dasarnya, saya telah pun bersetuju dan perbincangan di peringkat teknikal telah pun berjalan di antara MBWP dan DBKL, sekarang saya difahamkan, sedang dalam proses penetapan *business model* sahaja. Saya minta MBWP percepatkan agar ruang itu juga boleh dijadikan Urban Youth Lab seperti yang dicadangkan. Jika MBWP dapat membuktikan keberhasilan projek rintis ini, insya-Allah kita akan teliti ruang dan peluang lain pula. *I am super excited with the proposal and please make it happen as soon as possible.*

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

18. Saya ingin menyeru semua anak muda untuk terus melangkah ke hadapan, bukan hanya sebagai pemerhati semata-mata. Jadilah mereka yang mencipta sejarah pelakar masa depan negara. Jangan tunggu peluang diberi, sebaliknya cari lah peluang dan buktikanlah keupayaan anda. Negara ini menanti sentuhan tangan anak muda demi mencorakkan masa depan Malaysia yang lebih cemerlang dan sejahtera.

19. Di peringkat Wilayah Persekutuan, saya sentiasa bersedia untuk mendengar dan menerima sebarang cadangan, pandangan dan kritikan membina dari belia, tetapi dalam masa yang sama, para belia juga perlu sentiasa dalam ketersediaan, bersikap lebih matang dan bukan hanya semata-mata bersikap kritikal, malah lebih konstruktif.

20. Bagi menyokong usaha Majlis Belia Wilayah Persekutuan dan pelaksanaan program-program di peringkat MBWP, dengan sukacitanya saya ingun umumkan peruntukan sejumlah 50 ribu ringgit sebagai dana pentadbiran MBWP bagi tahun 2025.

21. Insya-Allah dengan semangat MADANI dan dengan kerjasama erat di antara Kerajaan dan belia, saya yakin Wilayah Persekutuan ini boleh menjadi model keterangkuman yang terbaik dalam negara yang tercinta ini. Dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya saya merasmikan Sambutan Hari Belia Negara peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2025. YAKIN BOLEH!

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah
wasalamu ‘alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.